

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan.

Tujuan kajian ialah untuk melihat penguasaan bahasa pelajar dalam menggunakan laras ekonomi. Laras ekonomi yang digunakan dalam kajian ialah soalan-soalan dan jawapan-jawapan pelajar dalam menjawab soalan Ekonomi Asas. Bab 4 telah memperlihatkan data yang diperoleh daripada tiga bentuk penyoalan iaitu soalan aneka pilihan, soalan esei dan soal maklumat. Hasil daripada data kesilapan yang dilakukan oleh pelajar itu, di dalam bab ini pengkaji akan mengupas faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kesilapan pelajar.

5.1 KEKERAPAN KESILAPAN KESELURUHAN BAGI SOALAN ANEKA PILIHAN

Kajian yang dibuat daripada soalan aneka pilihan dapat dilihat berdasarkan jadual 1-11. Jadual 1 memperlihatkan sebaran markah pelajar dalam soalan aneka pilihan. Seramai

46 sampel daripada 50 sampel pelajar yang dikaji didapati telah lulus dalam soalan aneka pilihan. Markah lulus adalah dalam lingkungan 21-40. Daripada keputusan ujian itu didapati secara keseluruhan markah yang paling banyak diperoleh oleh pelajar ialah 21-30 markah. Jumlah pelajar yang memperoleh markah dalam lingkungan itu ialah 45 orang iaitu 90.0% daripada keseluruhan pelajar. Ini diikuti oleh markah 16-20 yang hanya melibatkan 3 orang pelajar atau 6.0% daripada keseluruhan pelajar. Markah paling tinggi diperolehi ialah antara 31-35 yang hanya melibatkan seorang pelajar atau 2.0% daripada keseluruhan pelajar. Sementara markah paling rendah ialah antara 10-15 markah yang juga melibatkan seorang pelajar atau 2.0% daripada keseluruhan pelajar. Bolehlah pengkaji rumuskan di sini bahawa soalan aneka pilihan yang disediakan bukanlah soalan yang terlalu mudah atau terlalu sukar untuk dijawab.

5.1.1 Kekerapan Kesilapan Memahami Ayat.

Melalui analisis kesilapan yang dibuat oleh pengkaji adalah didapati bahawa pelajar banyak melakukan kesilapan dalam menjawab soalan aneka pilihan ini kerana sukar memahami ayat yang dikaji. Hasil

daripada kajian yang dibuat oleh pengkaji melalui perbincangan yang dibuat di bilik darjah adalah didapati terdapat ramai pelajar yang tidak dapat memahami ayat-ayat yang terdapat dalam soalan. Pelajar didapati tidak dapat mengaitkan satu ayat dengan ayat yang lain.

Contoh kesilapan yang dilakukan oleh pelajar akibat tidak dapat memahami ayat dalam soalan ialah bagi soalan 4.

"Jadual 1 menunjukkan 2 pilihan teknik pengeluaran daripda A kepada B. Berapakah kos lepas pengeluaran komputer"

Bagi soalan ini pelajar didapati tidak dapat mengaitkan ayat pertama dengan ayat kedua. Pelajar mengaku mereka tidak dapat mengaitkan teknik pengeluaran dengan kos lepas bagi pengeluaran komputer. Ini kerana pada kebiasaannya dalam penggunaan laras ekonomi teknik pengeluaran lebih digunakan dalam perbincangan mengenai masalah asas ekonomi iaitu 'Bagaimana sesuatu barang dikeluarkan'. Manakala kos lepas pula sepatutnya digunakan dalam membincangkan

masalah kekurangan akibat kehendak yang tidak terhad. Dalam hal ini walaupun ayat yang diberi sudah betul, tetapi pelajar gagal mengaitkan maklumat yang diberi dalam ayat pertama dengan maklumat yang ingin diketahui dalam ayat yang kedua. Pelajar mungkin dapat menjawab soalan sekiranya soalan bertanya seperti berikut:

"Berapakan kos lepas pengeluaran komputer sekiranya pelajar memilih teknik pengeluaran B".

Contoh lain kesilapan kerana tidak memahami ayat ini dapat dilihat dalam soalan 8.

"Mulai tahun 1998 dia telah dimasukkan ke dalam skim pencen"

Dalam ayat ini pelajar mengakui mereka tidak dapat memahami ayat 'dia telah dimasukkan ke dalam skim pencen'. Kesilapan memahami ayat ini mungkin disebabkan pendedahan guru kepada pelajar mengenai maklumat skim pencen ini adalah tidak jelas. Pelajar didapati berjaya menjawab soalan ini apabila pengkaji mengubah ayat tersebut seperti berikut:

"Mulai tahun 1998 potongan KWSPnya dihentikan"

5.1.2 Kekerapan Keliru Istilah.

Kajian yang dibuat melalui jadual 2-11 juga memperlihatkan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar kerana kekeliruan istilah. Contoh istilah yang menimbulkan kekeliruan kepada pelajar ialah:

"Mekanisme harga"

Apa yang difahami oleh pelajar 'mekanisme harga' ini merupakan susunan harga sesuatu barang. Mereka tidak dapat mengaitkan istilah ini dengan permintaan dan penawaran yang dibuat di pasaran. Kekeliruan ini timbul disebabkan pendedahan yang dibuat oleh guru bahasa Melayu mengenai perkataan 'mekanisme'. Mekanisme dalam bahasa Melayu membawa maksud susunan atau jalinan bahagian-bahagian yang bekerjasama sedangkan dalam istilah ekonomi mekanisme harga membawa maksud penentuan harga yang ditentukan oleh permintaan dan penawaran di pasaran.

Bagi soalan 10 pula pelajar mengatakan mereka menghadapi masalah untuk memahami maksud sewa beli. Keadaan ini berlaku kerana pelajar menganggap sewa beli hanya boleh dibuat untuk pembelian kenderaan. Pelajar juga kurang diberi pendedahan oleh guru mengenai maksud sewa, beli dan maksud sewa beli itu sendiri.

Satu lagi contoh kekeliruan istilah yang banyak dilakukan oleh pelajar ialah istilah:

“input berubah”

Bagi istilah ini didapati pelajar gagal membezakan istilah input dan output dan juga istilah input berubah. Bagi pelajar istilah input dikelirukan dengan istilah output sedangkan kedua-dua istilah ini merupakan istilah yang berlainan.

“Input” dalam ekonomi merujuk kepada faktor-faktor pengeluaran seperti buruh, modal, tanah dan usahawan yang digunakan dalam sesuatu keluaran sementara “output”

merujuk kepada keluaran yang dihasilkan oleh sebuah firma.

Istilah jangka pendek dan jangka panjang juga menjadi kekeliruan bagi pelajar dalam soalan ini. Istilah jangka pendek bagi pelajar adalah sesuatu jangka masa yang singkat dan jangka panjang merupakan satu jangka masa yang lama. Pelajar-pelajar didapati lebih dipengaruhi oleh istilah ini walaupun dalam penggunaan laras ekonomi. Jangka pendek dalam laras ekonomi sebenarnya merujuk kepada suatu jangka masa di mana firma tidak boleh mengubah input tetapnya walaupun memakan masa yang lama. Ini berbeza dengan jangka panjang yang merujuk kepada sesuatu jangka masa di mana firma boleh mengubah input tetap menjadi input berubah walaupun jangka masa itu adalah singkat.

5.1.3 Kekerapan Kekeliruan Morfologi.

Kekeliruan morfologi dalam soalan objektif adalah sukar dikesan. Ini kerana perkataan-perkataan yang digunakan adalah betul dan menepati maksud. Walau bagaimanapun terdapat beberapa kekeliruan memahami

morfologi yang dilakukan oleh pelajar dalam soalan aneka pilihan ini. Contoh kesilapan yang dilakukan ialah kekeliruan memahami perkataan 'berlebihan'. Bagi pelajar melalui perbincangan yang dilakukan di bilik darjah maksud berlebihan adalah pembaziran tetapi dalam penggunaan laras ekonomi berlebihan membawa maksud terlalu banyak. Contoh ayat dalam soalan:

"Kos sut bertambah dengan kadar yang berlebihan"

Ayat ini membawa maksud pertambahan kos yang berlaku adalah dengan kadar yang terlalu banyak berbanding dengan pertambahan keluaran tetapi apa yang difahami oleh pelajar ialah pembaziran dari segi kos telah berlaku.

5.1.4 Sebab-sebab lain.

Melalui perbincangan dengan pelajar didapati antara sebab-sebab lain pelajar melakukan kesilapan ialah kerana pelajar tidak memahami maklumat yang diberi oleh soalan. Kesilapan ini berlaku kerana

perhatian yang diberi oleh pelajar semasa guru mengajar adalah kurang.

5.2 KEKELIRUAN KESILAPAN BAHASA BAGI SOALAN ESEI

Kajian yang dibuat daripada jawapan soalan esei dapat dilihat berdasarkan jadual 12 hingga 15. Kajian bahagian ini bertujuan untuk melihat kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam penulisan laras ekonomi mereka. Daripada data yang dikumpulkan di bab 4, pengkaji telah membuat kajian dan mendapati kesilapan yang dilakukan oleh pelajar adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Soalan-soalan yang dikemukakan dalam kajian ini terdiri daripada soalan yang diambil daripada tajuk-tajuk yang agak senang difahami oleh pelajar.

5.2.1 Kesilapan Struktur Ayat.

Jadual 12 memperlihatkan dengan tepat kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dari segi struktur ayat. Daripada dua soalan yang

dikemukakan pengkaji telah mengenalpasti kesilapan-kesilapan ayat yang dilakukan.

Terdapat beberapa sebab pelajar melakukan kesilapan yang pengkaji dapat simpulkan.

- i. Pelajar telah meninggalkan perkataan yang seharusnya ada di dalam frasa atau ayat sehingga maksud ayat menjadi kurang jelas.

Contoh:

"Dengan sumber kewangan yang sedikit kerajaan yang terbaik iaitu memilih sekolah."

Pelajar ini cuba menerangkan mengenai masalah kekurangan yang dihadapi oleh kerajaan dan cara mengatasinya. Ayat yang sepatutnya ditulis oleh pelajar adalah seperti berikut:

"Dengan sumber kewangan yang sedikit kerajaan membuat pilihan yang terbaik iaitu membina sekolah."

Daripada kedua-dua ayat di atas didapati bahawa akibat daripada meninggalkan perkataan 'pilihan' iaitu perkataan yang boleh menguatkan laras ekonomi tersebut dan perkataan 'membina' yang cukup jelas sekiranya dikaitkan dengan sumber kewangan, ayat tersebut menjadi kurang jelas maksudnya.

- ii. Daripada contoh ayat di atas juga didapati kesilapan pelajar dalam menyusun perkataan 'pilih' juga menyebabkan kecacatan pada ayat tersebut. Dalam ayat di atas kata 'pilihan' adalah lebih sesuai dalam penggunaan laras ekonomi kerana istilah 'pilihan' merupakan yang terbaik bagi menjelaskan situasi sumber kewangan yang sedikit (kekurangan sumber kewangan). Justeru itu pelajar harus menukar kata 'memilih' kepada 'pilihan' dan perlu ditukar susunannya ke tempat yang betul bagi membolehkan ayat tersebut menjadi ayat yang baik.
- iii. Kesilapan juga dilakukan kerana binaan frasa yang lemah dan kucar-kacir. Dalam keadaan ini nampaknya pelajar kerap menggunakan perkataan yang salah, tidak tepat dan kurang sesuai.

Contoh:

"Dalam perkhidmatan Polis Diraja Malaysia, semua masalah seperti mencuri, merompak, membunuh dan sebagainya boleh dilaporkan kepadanya."

Ayat di atas cuba menerangkan mengenai peranan perkhidmatan awam dalam memberi kemudahan kepada orang ramai. Penggunaan perkataan 'dalam' pada awal ayat dan 'kepadanya' pada akhir ayat tersebut telah menyebabkan binaan ayat oleh pelajar kurang berkesan. Ayat tersebut sepatutnya perlu ditulis seperti berikut:

"Melalui perkhidmatan Polis Diraja Malaysia, semua masalah seperti mencuri, merompak, membunuh dan sebagainya boleh dilaporkan."

- iv. Kesilapan akibat daripada pengulangan frasa pada tempat yang tidak perlu.

Contoh:

Setelah siap firma akan menawarkan barang-barang dan perkhidmatan yang telah siap kepada isi rumah.

Penggunaan frasa 'setelah siap' pada awal dan hujung ayat telah mencatatkan pembinaan ayat tersebut. Ayat itu akan menjadi jelas maksudnya sekiranya ditulis

"Firma akan menawarkan barang-barang dan perkhidmatan yang telah siap kepada isi rumah."

- v. Ayat yang terlalu panjang dan berbelit-belit merupakan satu lagi kesilapan yang sering dilakukan oleh pelajar dalam penggunaan laras ekonomi.

Contoh:

"Isi rumah menawarkan faktor pengeluaran kepada firma di antaranya faktor pengeluaran ialah tanah, modal, usahawan dan buruh bagi membolehkan firma menawarkan pendapatan kepada isi rumah."

Laras ekonomi yang cuba dijelaskan oleh pelajar dalam ayat di atas ialah mengenai penawaran faktor pengeluaran oleh isi rumah dan pendapatan yang diterima oleh isi rumah. Ayat di atas akan menjadi lebih jelas dan mudah difahami jika binaannya dipendekkan seperti berikut:

- a. Isi rumah menawarkan faktor pengeluaran iaitu buruh, tanah, modal dan usahawan kepada firma.
 - b. Dengan menawarkan faktor pengeluaran tersebut, isi rumah akan memperolehi pendapatan.
- vi. Kesilapan akibat membuat pengulangan perkataan yang sama dalam satu ayat juga dikesan melalui ayat yang dibina oleh pelajar.

Contoh:

"Lantaran daripada masalah kekurangan itu, kerajaan terpaksa menghadapi masalah pilihan pula dengan membuat pilihan yang mana lebih memerlukan."

Ayat di atas menunjukkan pengulangan pada perkataan 'pilihan' dan 'masalah'. Pengulangan penggunaan perkataan itu telah menyebabkan binaan ayat di atas menjadi kurang berkesan. Ayat di atas sepatutnya ditulis

"Lantaran masalah kekurangan itu, kerajaan terpaksa membuat pilihan barang yang lebih diperlukan."

vii. Kesilapan ayat dilakukan juga disebabkan oleh binaan ayat yang tidak lengkap.

Contoh:

"Jika kerajaan Malaysia mempunyai wang sebanyak 10 juta untuk tujuan pembangunan dan rakyat memerlukan sebuah sekolah dan hospital."

Ayat tersebut merupakan ayat yang kurang jelas maksudnya kerana hanya mempunyai subjek ayat dan tidak mempunyai predikat. Apa yang hendak diceritakan dalam ayat tersebut ialah mengenai

masalah kekurangan wang yang dihadapi oleh kerajaan sedangkan projek yang hendak dijalankan adalah banyak. Ayat tersebut akan berkesan jika ditulis seperti berikut:

"Jika kerajaan hanya mempunyai wang 10 juta ringgit, kerajaan terpaksa membuat pilihan sama ada membina sekolah atau hospital."

5.2.2 Kesilapan Istilah.

Jadual 13 memperlihatkan dengan tepat kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dari segi istilah. Daripada dua soalan eseai yang dikemukakan itu pengkaji telah mengenalpasti kesilapan-kesilapan istilah yang dilakukan.

Antara sebab-sebab pelajar melakukan kesilapan dalam istilah adalah seperti berikut:

i. Menggunakan istilah yang tidak tepat.

Pengkaji mendapati pelajar kerap menggunakan istilah yang tidak begitu tepat dalam membincangkan laras ekonomi.

Contoh:

"Selaras menawarkan pasaran faktor isi rumah akan mendapat pendapatan dalam bentuk upah, untung, sewa dan faedah."

Istilah pasaran faktor yang digunakan oleh pelajar dalam ayat di atas adalah kurang tepat bagi merujuk kepada pendapatan isi rumah. Ini kerana pasaran faktor merujuk kepada tempat di mana berlaku urusniaga faktor pengeluaran. Istilah pasaran faktor sepatutnya ditukar kepada faktor pengeluaran.

"Selaras menawarkan faktor pengeluaran isi rumah akan mendapatkan pendapatan dalam bentuk upah, untung, sewa dan faedah.

Satu lagi contoh penggunaan istilah yang tidak tepat ialah istilah pilihan.

Contoh:

"Kerajaan terpaksa membuat pilihan untuk melaksanakan dua buah projek yang bermanfaat untuk rakyat."

Dalam ayat di atas istilah pilihan yang digunakan adalah tidak tepat kerana projek yang dipilih mengikut istilah pilihan ialah projek yang terbaik bukan memilih dua projek. Ayat di atas sepatutnya ditulis seperti berikut:

"Kerajaan terpaksa membuat pilihan untuk melaksanakan projek yang paling bermanfaat untuk rakyat."

ii. Keliru dalam penggunaan istilah pinjaman.

Daripada jawapan yang diberi oleh pelajar pengkaji telah mengenalpasti beberapa istilah pinjaman yang tidak difahami oleh pelajar.

Contoh:

"Kos-kos yang terlibat dalam pengeluaran sesuatu barang ialah kos jangka pendek."

Istilah kos di atas merupakan istilah pinjaman. Di sini pelajar gagal memberi maklumat yang tepat mengenai kos. Dalam penggunaan laras ekonomi, kos adalah merujuk kepada perbelanjaan yang terlibat dalam proses pengeluaran. Kos yang terlibat dalam proses pengeluaran ialah kos tetap dan kos berubah dan tidak ada istilah umum untuk kos jangka pendek. Kekeliruan ini boleh diperbetulkan oleh pelajar dengan menulis ayat seperti berikut:

"Kos-kos yang terlibat dalam pengeluaran sesuatu barang ialah kos tetap dan kos berubah."

Kekeliruan pelajar dapat dikesan oleh pengkaji dalam penggunaan istilah kos lepas.

Contoh:

"Kos lepas ialah terpaksa melepaskan sesuatu perkara dalam mempunyai banyak pilihan."

Kekeliruan istilah kos lepas dalam ayat di atas menjadikan maksud istilah itu tidak tepat. Maksud frasa "melepaskan sesuatu perkara dalam mempunyai banyak pilihan" boleh difahami sebagai melepaskan sesuatu perkara kerana tidak mempunyai pilihan lain yang banyak.

Definisi yang diberi itu bercanggah dengan pengertian sebenar kos lepas iaitu sesuatu barang yang terpaksa dilepaskan kerana memilih barang yang lebih baik.

Selain daripada istilah kos, istilah pinjaman lain yang mengelirukan pelajar dalam menjawab soalan eseai ialah istilah 'mekanisme harga'. Ramai sampel yang menulis bahawa 'mekanisme harga' menentukan berapa banyak barang yang perlu dihasilkan dalam ekonomi sedangkan 'mekanisme harga' dalam konsep

ekonomi merujuk kepada penentuan harga yang ditentukan oleh permintaan dan penawaran di pasaran.

Istilah pinjaman yang lain yang telah dikesan oleh pengkaji dalam kesilapan penggunaannya ialah istilah input dan output. Pelajar didapati sering tertukar penggunaan istilah 'input' dan 'output'.

iii. Pelajar gagal membezakan antara istilah umum dalam penggunaan biasa dan istilah dalam ekonomi.

Contoh:

'pilihan'

Dalam istilah biasa 'pilihan' merupakan kata umum tetapi dalam penggunaan biasa perkataan 'pilihan' merupakan satu istilah. Istilah 'pilihan' merujuk kepada keadaan yang akan berlaku apabila wujud masalah kekurangan dalam ekonomi.

Contoh lain yang menunjukkan perbezaan antara istilah dalam laras ekonomi dan kata umum dalam bahasa Melayu biasa ialah:

"jangka pendek dan jangka panjang".

Kebanyakan sampel dalam jawapan mereka menjelaskan bahawa jangka masa pendek sebagai satu jangka masa singkat sementara jangka panjang merupakan satu jangka masa yang lama. Ini berbeza sekali dengan istilah ekonomi yang sebenar yang menyatakan istilah jangka masa pendek sebagai satu jangka masa firma tidak boleh mengubah input tetap tanpa mengira masa itu lama atau tidak. Sementara jangka panjang di mana firma boleh mengubah input tetap. Firma akan mengalami jangka panjang walaupun tempuh masa operasinya adalah masih baru.

5.2.3 Kekerapan Kesilapan Morfologi.

Jadual 11 dan 14 memperlihatkan dengan jelas kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dari segi morfologi dalam menjawab soalan eseai.

Di antara kesilapan morfologi yang dilakukan oleh pelajar ialah kesilapan dalam menggunakan imbuhan.

Contoh:

"Syarikat Telekom Malaysia Berhad ialah berkhidmat untuk telefon dan perhubungan di Malaysia."

Penggunaan perkataan 'berkhidmat' dalam ayat di atas tidak sesuai. Ini menyebabkan ayat menjadi tidak gramatis dan tidak dapat memberi pengertian kepada seluruh ayat. Ayat di atas boleh membawa maksud Syarikat Telekom Malaysia Berhad itu memberi perkhidmatan kepada telefon dan perhubungan bukan kepada orang ramai. Ayat itu akan lebih gramatis jika ditulis

"Syarikat Telekom Malaysia Berhad menyediakan perkhidmatan telefon dan perhubungan lain di Malaysia."

Pelajar juga banyak melakukan kesilapan dalam penggunaan penggandaan. Contoh kesilapan yang dilakukan oleh pelajar itu ialah:

Kesilapan	Sepatutnya
Pelbagai-bagai Para pengeluar-pengeluar semua faktor-faktor	pelbagai para pengeluar semua faktor

Perkataan *pelbagai* dalam contoh yang diberi telahpun menunjukkan jamak. Jadi perkataan *pelbagai* tidak sepatutnya digandakan oleh pelajar. Begitu juga dengan perkataan *semua pengeluar-pengeluar*. Perkataan *semua* telah menunjukkan jamak dan begitu juga dengan *pengeluar-pengeluar* juga sudah menunjukkan jamak. Apabila kedua-dua perkataan yang menunjukkan jamak digabungkan frasa tersebut akan menjadi salah. Proses penggandaan bagi perkataan *pengeluar-pengeluar* itu tidak sepatutnya digunakan apabila menggunakan perkataan *semua*. Begitu juga dengan penggunaan perkataan *semua faktor-faktor*.

Satu lagi kesilapan dilakukan oleh pelajar ialah penggunaan akronim. Terdapat dua akronim yang digunakan dalam laras ekonomi yang diberikan iaitu:

STMB - Syarikat Telekom Malaysia Berhad, dan
PDRM - Polis Diraja Malaysia

Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar ialah dengan menggunakan akronim

STM untuk Syarikat Telekom Malaysia Berhad, dan PDM bagi Polis Diraja Malaysia.

5.2.4 Kekerapan Kesilapan Lain.

Selain daripada kesilapan dari aspek ayat, istilah dan morfologi terdapat juga kesilapan lain yang dilakukan oleh pelajar. Antara kesilapan lain itu ialah seperti kesalahan ejaan, kesalahan penggunaan kata sendi, kesalahan tanda baca dan lain-lain. Contoh kesalahan ialah:

pihak - pehak

faktor-faktor - faktor²

yang - yg

bekerjasama - b/sama

Kesilapan pertama merupakan kesilapan ejaan yang berlaku akibat pengaruh dialek Kelantan. Kesilapan

kedua dan ketiga merupakan kesilapan yang sering digunakan dalam penulisan jawapan eseи. Kesilapan ini mungkin berlaku kerana kebiasaan pelajar menggunakan bentuk demikian dalam penulisan nota.

5.3 HUBUNGKAIT ANTARA SOALAN LATIHAN UJIAN DENGAN SOAL MAKLUMAT DALAM MENENTUKAN PENGUASAAN BAHASA

Bagi mengukuhkan lagi kajian penguasaan bahasa pengkaji telah mengemukakan beberapa soalan soal maklumat. Soalan soal maklumat yang dikemukakan adalah berkaitan dengan

1. Minat pelajar terhadap pelajaran Ekonomi Asas
2. Bahasa pertuturan sehari-hari pelajar
3. Masalah pelajar dalam menginterpretasikan maklumat yang mereka ada
4. Kecekapan guru berbahasa

5.3.1 Minat Pelajar Terhadap Ekonomi Asas

Mengikut **Kamus Dewan Edisi Baru (1993: 828)**

perkataan minat bermaksud 'keinginan' (kesukaan, kecenderungan) kepada sesuatu. Pengertian minat ini tepat untuk dibincangkan kerana faktor minat merupakan perkara asas dalam mempengaruhi pelajar menguasai sesuatu. Mengikut **Abdullah Hassan (1993)** minat boleh mempengaruhi pelajar dalam menguasai bahasa.

Dapatan daripada kajian (jadual 15) menunjukkan bahawa 98% pelajar mengatakan mereka berminat untuk mempelajari Ekonomi Asas. Apabila dihubungkaitkan dengan markah yang diperolehi dalam ujian aneka pilihan, pengkaji mendapati hanya sebahagian kecil sahaja pelajar yang gagal. Ini menunjukkan mereka berminat dan mampu menguasai mata pelajaran Ekonomi Asas. Malangnya apabila dilihat hasil penulisan pelajar bagi kertas eseи didapati banyak fakta yang hendak disampaikan oleh pelajar tidak kesampaian. Ini berlaku kerana walaupun mereka berminat untuk belajar dan mempunyai idea untuk menjawab tetapi akibat penguasaan

bahasa lemah, mereka tidak berjaya menyampaikan idea dengan baik. Contoh yang paling jelas ialah dari segi struktur ayat. Ini dapat dilihat daripada sebab-sebab kesilapan di awal bab ke 5 ini.

5.3.2 Bahasa Pertuturan Seharian Pelajar.

Faktor ini merupakan salah satu penyebab utama kesilapan dilakukan oleh pelajar terutama dalam menjawab soalan eseai. Kajian dibuat oleh pengkaji ke atas sebuah sekolah yang terletak di kawasan perkampungan di Kelantan. Kebanyakan sampel merupakan anak jati kampung tersebut yang menggunakan dialek Kelantan sebagai bahasa pertuturan sehari-hari. Pengaruh dialek Kelantan yang digunakan oleh pelajar telah memberi kesan yang agak besar dalam hasil penulisan pelajar.

Misalnya dalam dialek Kelantan kebanyakan penutur bercakap tanpa menggunakan imbuhan dan penggandaan. Ciri-ciri pertuturan ini akan terbawa-bawa ke dalam penulisan mereka. Akibatnya akan berlakulah kesalahan bahasa. Contoh:

*Isi rumah akan belanjakan pendapatannya untuk
beli barang.*

Perkataan yang bergaris menunjukkan kesilapan tidak menggunakan imbuhan dan tidak digandakan. Sepatutnya perkataan-perkataan itu ditukarkan seperti berikut:

belanjakan - membelanjakan

beli - membeli

barang - barang-barang

Selain itu terdapat juga perkataan yang salah ejaannya kerana menerima pengaruh dialek Kelantan.

Contohnya:

pihak - pehak

5.3.3 Pelajar Salah Menginterpretasikan dan Mengingati Isi Pelajaran.

Faktor ini kerap berlaku kepada pelajar. Pelajar sering membuat interpretasi yang salah terhadap apa yang dikemukakan kepada mereka. Menurut **Kamus Dewan Edisi Baru** interpretasi bermaksud membuat tafsiran, pengertian (tentang maksud, tujuan, implikasi dan sebagainya). Faktor ini jelas apabila pengkaji menghubungkaitkan soalan soal maklumat mengenai pengakuan pelajar tentang masalah penguasaan bahasa dan masalah mengingati istilah ekonomi. Separuh daripada pelajar yang dikaji mengaku mereka bermasalah dalam penguasaan bahasa dan hampir separuh mengakui mereka menghadapi masalah dalam mengingati istilah ekonomi. Apabila keadaan ini berlaku, pelajar dengan sendirinya akan membuat interpretasi yang salah ke atas maklumat yang mereka terima. Kesilapan membuat interpretasi ini dapat dilihat melalui sebab-sebab kesilapan penguasaan bahasa bagi soalan esei dan aneka pilihan.

Mengingati isi pelajaran juga boleh menyebabkan pelajar melakukan kesilapan. Boleh dirumuskan bahawa

semua kesilapan berlaku banyak berpunca daripada pelajar gagal mengingati pelajaran yang telah dikemukakan kepada mereka. Bukti kenyataan ini ialah sebelum ujian diberi kepada pelajar, pengkaji terlebih dahulu membuat penelitian terhadap Sukatan Pelajaran Ekonomi Asas. Berdasarkan kepada penelitian pengkaji mendapati semua soalan yang dikemukakan berkaitan dengan apa yang terdapat dalam sukanan pelajaran.

5.3.4 Kecekapan Guru Berbahasa.

Semua guru adalah guru yang menggunakan bahasa dalam pengajarannya dalam bentuk yang betul, gramatis, khusus dan kemaskini. Pengajaran adalah suatu bentuk komunikasi yang memperalatkan bahasa untuk menyampaikan fakta atau idea. Komunikasi yang lemah tidak membantu penutur menyampaikan idea dengan tepat.

Daripada data soal maklumat yang ditunjukkan dalam jadual 19 didapati hampir separuh daripada sampel mengatakan guru mereka tidak menggunakan bahasa standard dalam pengajaran. Hasil daripada soal maklumat didapati guru yang tidak menggunakan bahasa standard

ini telah menggunakan dialek Kelantan bagi menyampaikan pengajaran mereka. Secara tidak langsung dialek ini akan mempengaruhi pelajar dalam penulisan mereka. Sepatutnya guru-guru mata pelajaran lain seperti Ekonomi Asas ini harus tahu selok-belok Bahasa Melayu sebagaimana guru Bahasa Melayu juga. Sewaktu mengajar ilmu masing-masing mereka seharusnya peka terhadap penggunaan bahasa mereka sendiri dan juga bahasa pelajar. Ini bertujuan untuk membantu pelajar menguasai bahasa Melayu dan seterusnya mampu menyampaikan idea dan fakta yang mereka ada dengan lebih berkesan.

Sebagai kesimpulannya, apabila pengkaji menghubungkaitkan soalan soal maklumat dengan jawapan soalan eseai yang dijawab oleh pelajar didapati bahawa kesilapan penguasaan bahasa ini disebabkan oleh kurang cekapnya guru berbahasa.

5.4. RUMUSAN.

Kajian ini bermula dengan penelitian yang dilakukan terhadap jawapan pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Pengkaji telah menggunakan soalan peperiksaan percubaan sebagai sumber kajian. Melalui sebaran markah bagi soalan aneka pilihan, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan pelajar dapat memperolehi markah yang agak baik. Hanya terdapat 4 orang pelajar sahaja yang mendapat markah di bawah 20. Melalui jawapan pelajar, pengkaji telah mengenalpasti punca kesalahan pelajar dalam menjawab soalan Ekonomi Asas dari sudut penguasaan bahasa yang dilihat daripada 3 aspek iaitu ayat, istilah dan morfologi.

Kajian ke atas soalan ujian kertas 1 telah mendapati bahawa kebanyakan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar jika ditinjau dari sudut penguasaan bahasa ialah kerana tidak memahami istilah. Dalam penggunaan laras ekonomi, penggunaan istilah terlalu banyak. Istilah-istilah itu meliputi istilah melayu dan istilah pinjaman. Di halaman 21 dan 22 pengkaji telah mengemukakan antara istilah-istilah yang digunakan dalam laras ekonomi.

Melalui kajian yang telah dibuat pengkaji telah mengenalpasti punca kesalahan pelajar dalam menjawab soalan aneka pilihan dan dari sudut istilah ialah disebabkan oleh pelajar kurang memahami istilah pinjaman. Pelajar juga tidak dapat membezakan pengertian sesuatu istilah dari sudut bahasa dengan pengertian dari sudut ekonomi.

Kesilapan yang dilakukan akibat tidak memahami ayat juga ada dilakukan oleh pelajar. Kesilapan ini berpunca daripada pelajar yang gagal memahami perkaitan antara satu ayat dengan ayat yang lain. Walau bagaimanapun kesilapan memahami ayat ini kurang berbanding kesilapan memahami istilah kerana ayat-ayat yang diberi dalam soalan Sijil Pelajaran Malaysia boleh dikatakan ayat yang agak mudah difahami.

Kesilapan kerana tidak memahami morfologi juga tidak begitu ketara kerana dalam menjawab soalan aneka pilihan. Ini kerana tidak banyak terdapat perkataan yang menyukarkan pelajar untuk memahami soalan tersebut. Penggunaan morfologi dalam soalan aneka pilihan juga adalah lebih mudah dan tepat.

Kajian yang dibuat oleh pengkaji ke atas soalan esei pulak bertujuan mengenalpasti kesalahan pelajar dalam menulis laras ekonomi. Selepas dianalisis secara keseluruhan, pengkaji mendapati penguasaan bahasa bagi soalan esei ini menimbulkan masalah kepada pelajar. Data secara keseluruhan itu menunjukkan bahawa pelajar menghadapi masalah yang hampir sama bagi ketiga-tiga bentuk penguasaan bahasa yang dikaji.

Daripada dua jawapan kepada soalan yang dijawab oleh pelajar pengkaji mendapati pelajar tidak begitu menguasai pembentukan ayat dan tidak mengambil berat kepada subjek dan predikat ayat. Ini seterusnya mengakibatkan pelajar gagal membentuk ayat yang berkesan. Akibatnya 'mesej' yang hendak disampaikan oleh pelajar dalam penggunaan laras ekonomi mereka tidak dapat disampaikan dengan baik dan seterusnya menjelaskan markah pelajar.

Pengkaji juga mendapati bahawa penggunaan istilah juga merupakan faktor penting dalam menganalisis kesilapan penguasaan bahasa pelajar. Pelajar kerap melakukan kesilapan dalam menulis istilah kebiasaan ketidak tepatan maksud istilah yang diberikan oleh pelajar adalah melibatkan istilah bahasa Inggeris. Terdapat juga pelajar yang gagal

membezakan istilah umum dengan istilah ekonomi. Akibatnya jawapan yang mereka berikan tidak tepat.

Penguasaan bahasa pelajar dari sudut morfologi juga dapat dikesan dalam penulisan jawapan eseai pelajar. Kesilapan yang paling banyak dikesan ialah dalam penggunaan imbuhan dan penggandaan. Walaupun ayat yang diberi oleh pelajar dapat difahami tetapi terdapat banyak perkataan yang digunakan tidak begitu tepat

Selain daripada tiga faktor yang dibincangkan dalam kajian, terdapat juga kesalahan penguasaan bahasa yang lain yang dilakukan yang menjadi punca kesalahan penguasaan bahasa pelajar iaitu seperti ejaan dan lain-lain.

Walau bagaimanapun secara umumnya pengkaji dapat menyimpulkan bahawa salah satu punca kesalahan pelajar dalam menjawab soalan Ekonomi Asas ialah disebabkan oleh kelemahan penguasaan bahasa oleh pelajar. Punca-punca itu dapat dikenalpasti daripada kajian yang telah dibuat oleh pengkaji.

5.5 CADANGAN

Kajian ini merupakan satu kajian untuk melihat kesilapan penguasaan bahasa dalam penggunaan laras ekonomi di kalangan pelajar-pelajar yang mengambil mata pelajaran Ekonomi Asas sebagai mata pelajaran elektif dalam Sijil Pelajaran Malaysia. Data yang diperolehi dapat memberi gambaran menyeluruh tentang penguasaan bahasa pelajar dalam tiga aspek yang dikaji iaitu ayat, istilah dan morfologi. Pengkaji telah membuat analisis kesilapan yang berlaku dan seterusnya mengemukakan punca-punca yang menyebabkan kesilapan itu berlaku. Berikut cadangan-cadangan pengkaji untuk dijadikan panduan bagi meningkatkan lagi penguasaan bahasa dan seterusnya meningkatkan pencapaian yang cemerlang dalam Ekonomi Asas.

5.5.1 Latih Tubi.

Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar berpunca daripada kelemahan pelajar itu sendiri dalam menguasai bahasa Melayu. Oleh yang demikian adalah menjadi kewajipan bagi tenaga pengajar untuk

memperbanyakkan latihan pelajar dalam menjawab soalan eseи. Tenaga pengajar perlu membuat perancangan yang menyeluruh bagi memastikan pelajar dapat menyampaikan maklumat yang mereka ada dengan bahasa yang sebaik mungkin. Latih tubi ini amat berkesan kepada pelajar dalam usaha mereka untuk memahami dan menyampaikan idea dan maklumat sebaik mungkin. Latih tubi ini amat berkesan terutama letih tubi yang khusus memberi tumpuan kepada kelemahan pelajar seperti:

- a. menyampaikan maklumat menerusi ayat yang tepat
- b. memperbanyakkan latihan penggunaan istilah yang mengelirukan

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran teori yang digunakan ialah teori **Bloomfield (1933)**. Mengikut Bloomfield sebagaimana yang dipetik daripada buku '*Pedagogi Bahasa*', Kamaruddin Hj. Hussin (1990) berbunyi:

"Penguasaan satu-satu bahasa bukanlah satu hal pengetahuan. Ianya satu hal latihan."

Latihan di sini bermaksud latihan yang kukuh dan berterusan untuk menjamin mutu penguasaan yang baik dalam bahasa dan seterusnya menguasai bahasa Melayu dengan baik dalam penggunaannya untuk semua laras bahasa.

5.5.2 Pembentukan Sikap

Sikap pelajar merupakan satu perkara yang penting dalam menentukan penguasaan bahasa dan kejayaan seseorang dalam sesuatu bidang. **Nawi Ismail (1995)** dalam Jurnal Guru 1995 menyatakan:

"..... pelajar yang berdisiplin lazimnya lebih berpeluang memperoleh pencapaian yang lebih baik berbanding dengan pelajar yang kurang berdisiplin"

(Jurnal Guru (6 Mei: 465).

Pihak tenaga pengajar bolehlah memainkan peranan seperti:

- i. menanamkan konsep penguasaan bahasa di kalangan pelajar.
- ii. mendorong pelajar meminati mata pelajaran elektif yang mereka pilih dan memberi tanggapan bahawa mata pelajaran Ekonomi Asas merupakan satu mata pelajaran yang mudah.

Apabila sikap penguasaan bahasa tertanam dalam diri pelajar maka penerapan sikap kemahiran dan kecekapan berbahasa bolehlah dilakukan seperti bertutur, membaca, menulis, menaakul, merumus dan lain-lain. Kesemua penerapan di atas boleh dilakukan secara latihan. Masalah sikap sambil lewa hendaklah dibendung dari awal. Tenaga pengajar hendaklah sentiasa tegas dengan apa yang ditetapkan seperti memastikan setiap pelajar menyempurnakan setiap tugasan. Sikap yang sedemikian ini akan memberi rangsangan kepada pelajar kerana peneguhan telah dilakukan oleh tenaga pengajar. Pelajar pula akan merasa usaha mereka telah dihargai.

5.5.3 Meningkatkan Minat Membaca.

Faktor kurang membaca ini menjadi halangan sebenarnya terhadap penguasaan bahasa Melayu. Ini diakui oleh Prof. Diraja Ungku Aziz dalam Utusan Melayu, 6 Februari 1992 yang menyatakan 'minat membaca kurang dalam masyarakat kita'. Kajian **Nawi bin Ismail (1992: 42-43)**, mendapati hanya 105 orang pelajar di Sekolah Menengah Atas di Kuala Lumpur membaca pada waktu petang. Kekurangan membaca ini akan boleh melemahkan pelajar terutama dari aspek penggunaan perbendaharaan kata dan penguasaan sintaksis yang baik. Bagi mata pelajaran seperti Ekonomi Asas pula, kekurangan membaca menyebabkan pelajar tidak dapat mengetahui maklumat-maklumat penting dalam mata pelajaran tersebut.

Menyedari akan hal ini pengkaji mencadangkan agar Kempen Galakan Membaca atau Kempen Buku Di tangan dikuatkuasakan sepenuhnya di sekolah-sekolah. Yakinkan juga kepada mereka bahawa selain daripada membaca buku-buku pelajaran, bahan-bahan bacaan lain seperti Majalah

Dewan Siswsa, Dewan Masyarakat, Jurnal Dewan Bahasa juga adalah perlu dibaca oleh mereka.

5.5.4 Meningkatkan Keberkesanan Pengajaran.

Bagi memberi keberkesanan proses pengajaran terutama semasa mengajar seseorang guru itu mestilah mempelajari dan mengembangkan kaedah baru yang boleh menjadikan pengajarannya lebih efektif. Selain itu, guru sendiri perlu mempunyai penguasaan bahasa yang baik. Ini penting bagi memastikan proses-proses pembelajaran berlaku dengan cara yang berkesan untuk membolehkan maklumat disampaikan kepada pelajar dalam bidang ilmu.

Sehubungan dengan inilah konsep 'semua guru adalah guru Bahasa Malaysia' (kecuali guru bahasa Inggeris) hendaklah diperkenalkan secara meluas dalam sistem pendidikan di Malaysia. Hal ini juga bermakna bahawa kerjasama yang erat antara guru-guru Bahasa Malaysia dengan guru mata pelajaran lain perlu diwujudkan.

Guru-guru seharusnya berusaha untuk meningkatkan kecekapan pelajar-pelajar berbahasa. Kenyataan ini penting memandangkan kebanyakan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai mata pelajaran disampaikan kepada pelajar melalui pengantar Bahasa Malaysia.

Menurut **Mat Nor Hussin, Normah Abdullah dan Marzukhi (1989: 70)**, kecekapan guru berbahasa sebagai fasilitator pengajaran adalah faktor utama menentukan keberkesannya. Objektif pengajaran lebih mudah dan cepat tercapai sekiranya guru lebih arif tentang struktur Bahasa Malaysia, hukum-hukum tatabahasanya, penggunaannya, dialek, istilah, bentuk atau laras yang betul mengikut bidangnya. Penguasaan bahasa yang baik menjadikan pengucapan guru begitu lancar dan membawa makna yang tepat. Akhirnya guru akan menjadi model yang dapat diteladani dan membantu masalah linguistik pelajar.

Langkah yang lebih konkret perlu dilaksanakan segera bagi meningkatkan mutu Bahasa Malaysia yang digunakan oleh guru-guru untuk mata pelajaran lain seperti Sains, Matematik, Ekonomi, Geografi dan lain-lain.

lain. Dengan itu pengkaji mencadangkan agar guru-guru mata pelajaran dapat melaksanakan langkah-langkah berikut:

- i. Memahami dan menggunakan struktur dasar Bahasa Malaysia dengan betul dan gramatis dalam pengajaran dan pembejalaran mata pelajaran lain,
- ii. Menggunakan kata, frasa dan ayat dengan makna khusus yang betul dan gramatis,
- iii. Menggunakan istilah yang betul dan kemaskini,
- iv. Menggunakan gaya persembahan semasa pengajaran mengikut keperluan bidang tertentu; dan
- v. Mengubahsuai peringkat bahasa sesuai dengan kemampuan pelajar.

Pengkaji mengharapkan dengan langkah-langkah ini akan dapat memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran dan meningkatkan penguasaan Bahasa Malaysia di kalangan pelajar.

5.5.5 Mengubah Bentuk Penilaian.

Dalam usaha meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam mata pelajaran lain selain daripada Bahasa Melayu di sekolah, pihak Kementerian Pendidikan khususnya Lembaga Peperiksaan perlu melakukan sedikit pengubahsuaian dalam penilaian LPM sebaik yang mungkin hendaklah menguntukkan sedikit markah secara khusus dalam membuat penilaian mata pelajaran bukan Bahasa Melayu. Sebagai contoh, andaikan peruntukan markah bagi satu soalan 25%, dicadangkan sebahagian kecil daripada markah itu (misalnya 5%) hendaklah diuntukkan kepada aspek bahasa. Manakala bakinya 20% adalah untuk markah isi. Apabila pengubahsuaian ini dilakukan diharapkan guru-guru yang bukan mengajar Bahasa Melayu khususnya akan melihat soal kebahasaan sebagai salah satu perkara penting yang perlu diberikan tumpuan. Mereka perlu meningkatkan minda mereka dengan kaedah pemakaian bahasa Melayu yang lebih berperaturan dalam usaha menyempurnakan tugas pengajaran dan pembelajaran masing-masing. Keperihatinan warga pendidik terhadap aspek bahasa akan mendorong pelajar untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu.

5.6 PENUTUP

Pengkaji telah membuat kajian mengenai analisis kesilapan penguasaan bahasa dalam penggunaan laras ekonomi. Penguasaan bahasa yang dikaji hanya meliputi tiga aspek iaitu sintaksis (ayat), istilah dan morfologi. Keputusan kajian mengenai ketiga-tiga aspek penguasaan bahasa ini dapat dilihat dalam bab 4 sementara sebab-sebab kesilapan dilakukan boleh dirujuk dalam bab 5.

Secara keseluruhan pengkaji boleh membuat kesimpulan bahawa hasil daripada kajian adalah didapati kebanyakan pelajar menghadapi masalah memahami ayat dan istilah apabila soalan aneka pilihan dikemukakan kepada mereka. Masalah morfologi boleh dikatakan sukar dikesan bagi jawapan soalan aneka pilihan ini.

Walau bagaimanapun apabila dibuat kajian mengenai soalan eseい, pengkaji mendapati pelajar menghadapi masalah dalam penguasaan ketiga-tiga aspek yang dikaji iaitu sintaksis (ayat), istilah dan morfologi.

Kajian ini boleh dikatakan memberi gambaran mengenai masalah penguasaan bahasa dalam penggunaan laras ekonomi. Kepincangan dalam penguasaan aspek-aspek penting bahasa Melayu ternyata sekali telah membawa kesilapan dan kesalahan dalam penggunaan sesuatu laras bahasa.